

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Kepada Pelanggan yang Dihormati,

Lembaran Pendekatan Produk (LPP) ini direkabentuk untuk memberikan anda beberapa maklumat penting mengenai insurans perjalanan anda.

Pelanggan lain telah membaca LPP ini dan mendapati ia bermanfaat;
anda juga digalakkan membacanya.



Tarikh:

1 Apakah Travel Online Annual Trip?

Travel Online Annual Trip ialah insurans perjalanan yang komprehensif. Ia menyediakan perlindungan untuk kemalangan diri dan perbelanjaan perubatan akibat kemalangan atau penyakit. Selain itu, ia turut melindungi barangan peribadi anda, menampung perbelanjaan yang ditanggung akibat kesulitan perjalanan, pemindahan & penghantaran pulang perubatan kecemasan dan manfaat tambahan pilihan.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan premium tahunan **RM294**, seorang lelaki berumur 30 tahun yang memilih Pelan Gold (Individu) di Kawasan 1 akan menerima **perlindungan** berikut:

Polisi ini meliputi :	Polisi ini tidak termasuk :
- Kemalangan Diri - Kematian Akibat Kemalangan dan Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan – RM250,000 - Pendidikan Kanak-kanak – RM10,000 - Manfaat Perubatan - Perbelanjaan Perubatan, Hospital dan Rawatan – RM200,000 - Lawatan Ihsan (kerana kemasukan orang yang diinsuranskan ke hospital)¹ – RM5,000 - Lawatan Ihsan (disebabkan kematian orang yang diinsuranskan)¹ – RM5,000 - Perubatan Alternatif¹ – RM500 - Penjagaan Kanak-kanak¹ – RM500 sehari, RM5,000 setiap kejadian - Rawatan Perubatan di Malaysia¹ – RM20,000 - Manfaat Elaun Hospital – RM 350 sehari, sehingga maksimum RM10,500 - Pemindahan & Penghantaran Pulang Perubatan Kecemasan - Pemindahan Perubatan Kecemasan – tidak terhad - Penghantaran Pulang Perubatan Kecemasan – tidak terhad - Penghantaran Pulang Jenazah – tidak terhad - Manfaat Barangan Peribadi - Bagasi dan Barangan Peribadi – RM5,000 RM500 setiap artikel, RM300 setiap bagasi - Dokumen Perjalanan – RM5,000 - Wang Peribadi – RM800 - Kelewatan Bagasi – RM800 (RM200 setiap 6 jam) - Manfaat Kesulitan Perjalanan - Kelewatan Perjalanan, Terlebih Tempahan, Tersalah Sambung atau Laluan Perjalanan Diubah – RM2,000 (RM200 setiap 6 jam) - Pembatalan atau Penangguhan² – RM20,000 - Pemendekan Perjalanan – RM20,000 - Rampasan – RM10,000 (RM1,000 setiap 24 jam) - Ketinggalan Perlepasan – RM1,000 - Kehilangan penggunaan Tiket Hiburan² – RM1,000 (RM250 setiap tiket) - Kehilangan Kad Kredit – RM5,000 - Liabiliti Peribadi – RM1,000,000 - Perlindungan Lebihan Kereta Sewa – RM1,000 - Bayaran Tebusan akibat Penculikan & Tahanan – RM50,000 - Penjagaan Rumah – RM5,000 (RM500 setiap artikel) Nota: ¹Tertakluk kepada had Perbelanjaan Perubatan, Hospital dan Rawatan.	- Sebarang penyakit sedia ada. - Sebarang tindakan yang menyalahi undang-undang, pendedahan secara sengaja kepada bahaya, bunuh diri atau mencederakan diri dengan sengaja. - HIV dan/atau sebarang penyakit berkaitan HIV termasuk AIDS dan/atau sebarang derivatif mutan. - Penerbangan selain sebagai penumpang yang membayar tambang dalam pesawat berlesen yang membawa penumpang. - Peperangan, pencerobohan, pemberontakan, tindakan permusuhan musuh asing. Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

² Insurans mesti dibeli sekurang-kurangnya 14 hari sebelum permulaan perjalanan.	
Dengan membayar premium tambahan sebanyak RM24 , anda boleh memperluaskan perlindungan untuk merangkumi: • Pembatalan atau Penjadualan Semula Penerbangan semasa Perjalanan – RM2,500 • Perlindungan Pelayaran – RM3,000	
Tempoh perlindungan ialah 12 bulan. Anda perlu memperbaharui polisi anda setiap tahun.	
Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai polisi insurans perjalanan anda, anda boleh:	
 Hubungi kami di 1300 13 2121 atau +603 3007 2121	 Layari laman web kami di: Overseas Travel Insurance Generali Malaysia
 E-mel kami di: customer.service.qi @generalali.com.my	 Imbas kod QR di atas
Maklumat BNMLINK untuk aduan / pertanyaan: Tingkat 4, Podium Bangunan AICB, No. 10, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur. Tel: 1-300-88-5465 (Luar Negara: +603 2174 1717) Laman Web BNMLINK: bnm.gov.my/BNMLINK	

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Generali Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk polisi insurans perjalanan ini, anda mesti membayar premium sebanyak:	
Perlindungan Standard	RM294 (tahunan)
Perlindungan Tambahan	RM24 (tahunan)
Jumlah premium yang anda perlu bayar ialah RM318	
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
Duti Setem	RM10
Komisen (Hanya terpakai jika produk dijual melalui pengantara)	25% daripada premium atau RM79.50
Cukai Perkhidmatan	T/B

Kebolegunaan duti setem dan cukai perkhidmatan yang digunakan, atau sebarang cukai lain adalah tertakluk kepada undang-undang Malaysia yang berkuat kuasa.

4 Terma Utama Lain

• Anda mesti memberikan maklumat yang lengkap dan tepat dalam borang cadangan. • Anda mesti mendedahkan semua fakta penting yang anda tahu atau patut tahu, termasuk aktiviti peribadi yang boleh mempengaruhi profil risiko. • Tuntutan: Jika berlaku kemalangan yang menimbulkan tuntutan, anda hendaklah memaklumkan kepada kami tidak lewat daripada 45 hari selepas insurans ini berakhir atau apabila kembali ke Malaysia, mengikut mana yang lebih awal. Semua dokumen sokongan yang mengesahkan kerugian bagi tuntutan anda hendaklah dikemukakan kepada kami. • Individu Yang Layak: ○ Warganegara Malaysia, pemastautin tetap, pemegang permit kerja, pemegang pas, dan pasangan/anak mereka yang menetap secara sah di Malaysia. ○ Anda / pemegang polisi mestilah berumur sekurang-kurangnya 18 tahun dan semua orang yang diinsuranskan (jika ada) mesti berumur antara 30 hari hingga 75 tahun. ○ Kanak-kanak yang berumur sekurang-kurangnya 30 hari hingga 18 tahun, had umur maksimum dilanjutkan sehingga 23 tahun sekiranya mereka merupakan pelajar sepenuh masa. • Tunai Sebelum Perlindungan: Premium penuh mesti dibayar kepada kami atau pengantara kami yang sah sebelum tarikh kuat kuasa polisi. Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

? Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

- Ya. Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Jika tiada tuntutan dibuat, sebarang bayaran balik selepas pembatalan adalah tertakluk kepada terma & syarat dalam polisi.